



KUPTM rai 1,384 graduan

Muhamad Shaifullah Tayep - November 1, 2022 @ 4:08pm



Seramai 1,384 graduan bakal diraikan pada Majlis Konvokesyen Ke-6 yang dijadualkan berlangsung pada 5 November 2022. FOTO KUPTM

PUTRAJAYA: Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) Kuala Lumpur akan mengadakan Majlis Konvokesyen Ke-6 pada 5 November 2022, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Ia bakal menyaksikan seramai 1,384 graduan menerima pelbagai anugerah dalam bidang masing-masing.

Dari jumlah ini, seramai 156 adalah penerima anugerah Pascasiswazah, 692 anugerah Ijazah Sarjana Muda, 67 anugerah The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan 469 anugerah Diploma.

Naib Canselor KUPTM, Prof Dr Abdul Rahim Abdul Rahman berkata, majlis konvokesyen kali ini bakal melakar sejarah tersendiri dengan penganugerahan Ijazah

Doktor Falsafah Doctor of Philosophy (Business Administration) kepada satu-satunya graduan sulung program berkenaan.

Program yang telah memulakan pengambilan pertama pada tahun 2018 kini mempunyai 34 pelajar, termasuk sembilan pelajar antarabangsa.

Abdul Rahim yang memulakan tugas sebagai Naib Canselor KUPTM pada 15 Jun 2022 lalu turut menyatakan keterujaan beliau untuk menyaksikan majlis konvokesyen KUPTM kali ini kerana empat lagi program yang bakal menyaksikan graduan sulung dalam program masing-masing iaitu program Bachelor of Education (Honours) in Teaching English as a Second Language, Bachelor of Arts in 3D Animation and Digital Media (Honours), Bachelor of Information Technology (Honours) in Computer Application Development dan program Diploma of Accountancy.

Program Ijazah Sarjana Muda KUPTM ini adalah antara program yang mendapat sambutan hangat kerana pelajar dari lepasan Diploma yang berkaitan layak untuk mendapat pindahan kredit sehingga 50 peratus yang memberi banyak kelebihan dari segi penjimatan yuran dan jangkamasa pengajian juga menjadi lebih singkat.

Selain dari itu, program dalam bidang pengkomputeran yang ditawarkan juga menekankan kepada pembangunan aplikasi terkini selari dengan keperluan industri.



Naib Canselor KUPTM, Prof Dr Abdul Rahim Abdul Rahman

Abdul Rahim berkata, KUPTM yang telah dinaik taraf sebagai sebuah Kolej Universiti pada Oktober 2015 telah melahirkan seramai 6,261 graduan dalam bidang pentadbiran perniagaan, pengkomputeran dan teknologi maklumat, perakaunan dan sebagainya.

"Dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan termasuk mengadakan kolaborasi dengan Badan Profesional seperti Chartered Management Institute (CMI), The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA), dan Chartered Institute of Management Accountant (CIMA) yang mengiktiraf dan memberi nilai tambah kepada program pengajian yang dijalankan di KUPTM, beliau yakin kebolehpasaran graduan KUPTM yang kini berada pada tahap 86 peratus akan dapat ditingkatkan kepada 95 peratus dalam jangkamasa dua tahun lagi," katanya.

KUPTM yang telah mendapat kelulusan penubuhan sebagai universiti dari Kementerian Pengajian Tinggi pada Februari 2022, kini sedang dalam proses akhir untuk mendaftarkan KUPTM sebagai universiti penuh dan bakal dikenali sebagai Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).